

14/09/2003

Rombak strategi, manfaat peruntukan sedia ada: Kadir

KUALA LUMPUR: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang tidak menerima sebarang peruntukan tambahan menerusi Bajet 2004 akan merombak semula dasar dan strategi sedia ada dengan menggunakan peruntukan tahun lalu sebanyak RM215 juta.

Menterinya, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, langkah ini bagi memastikan perkembangan ekonomi negara bukan saja dibantu sektor pelancongan, malah turut disokong faktor kekayaan budaya masyarakat negara ini.

"Kita juga akan menggunakan peruntukan tahun lalu untuk menyelenggara lebih 20 pusat pelancongan Malaysia di luar negara termasuk beberapa ibu pejabat sedia ada.

"Peruntukan itu juga, akan digunakan bagi mempergiatkan lagi usaha mempromosikan Malaysia ke beberapa negara luar yang mempunyai potensi pelancongan," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan Merdeka Classic Golf Charity Tournament - Caltex Cup 2003, di pejabatnya, di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan, Richard Yap dan Pengerusi Yayasan Tunku Nurul Hayati, Tunku Nurul Hayati Tunku Bahador.

Dalam Bajet 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sudah menyediakan dana sejumlah RM1.1 bilion, iaitu RM400 juta di bawah Tabung Khas Pelancongan dan RM700 juta di bawah Tabung Infrastruktur Pelancongan. Kedua-dua Tabung ini diuruskan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).

Bagi menggalakkan pengusaha industri pelancongan, termasuk hotel, melaksanakan program pembesaran, pemodenan dan pengubahsuaian, kerajaan juga mencadangkan supaya galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan diberikan bagi kali kedua.

Abdul Kadir berkata, sektor swasta seperti pemilik hotel dan agensi pelancongan digalakkan mengambil kesempatan ini dengan memainkan peranan yang lebih proaktif.

"Ia tidak perlu membabitkan kos kewangan tetapi apa yang perlu mereka bekerjasama dengan kerajaan untuk berbincang bagi meningkatkan sektor pelancongan negara," katanya.

Ditanya mengenai penyusunan semula Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (LPPM), Kadir berkata, cadangan itu hanya membabitkan rombakan pejabat pelancongan di beberapa kawasan.

"Itu adalah cadangan kementerian sendiri. Malah kami sudah membuat permintaan supaya dilantik pengarah pelancongan di setiap negeri, termasuk melantik pegawai pemasaran di sesetengah tempat.

"Kita juga akan mewujudkan pejabat pelancongan sendiri di beberapa negara yang masih belum memiliki pejabat seperti Guang Zhaou dan Karachi," katanya.

Pada majlis itu lapan rumah kebajikan menerima sumbangan hasil daripada kutipan perlawanan golf yang dianjurkan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-46, pada 23 Ogos lalu di Kelab Golf Perkhidmatan Awam.